

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HIU 201 - Perluasan Aqidah Islamiyyah

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. DUA (2) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA (2) soalan

1. Kenbanyakan 'ulama Usul al-Din berpendapat bahawa dalil 'aqli yang berdasarkan muqaddimah dan natijah yang konkrit adalah meyakinkan dan boleh menjadi saluran kepada keimanan dan kemantapan 'aqidah. Sebaliknya, dalil naqli tidak boleh menghasilkan keimanan dan kemantapan 'aqidah kecuali dengan syarat-syarat tertentu. Huraikan pernyataan ini dengan mengemukakan hujah-hujah yang jitu beserta contoh-contohnya sekali.

2. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Maka barangsiapa telah bersyukur sesungguhnya ia bersyukur untuk (faedah) dirinya sendiri dan barangsiapa telah kafur maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia." (Surah al-Nami: 40)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

"Dan Allah telah membuat perumpamaan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman tenteram, rezekinya datang melimpah ruah kepadanya dari merata tempat, tetapi ia telah kufur akan ni'mat-ni'mat Allah..." (Al-Nahl: 112)

Sabda Rasul Allah s.a.w. bermaksud:

"Janganlah kamu kembali menjadi orang-orang kafir selepasku nanti yang berbunuh-bunuhan di antara satu sama lain."

Sabdanya lagi

"...barangsiapa telah meninggalkan solat sesungguhnya ia telah menjadi kafir." (Riwayat al-Khamsah)

Berdasarkan maksud-maksud al-Qur'an dan hadith di atas, anda dikehendaki menjawab soalan-soalan berikut dengan mengemukakan hujah-hujahnya sekali:

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan kufur di dalam nas-nas tersebut?
- (b) Bagaimanakah hendak disesuaikan di antara nas-nas tersebut dengan beberapa ayat al-Qur'an dan hadith lain yang boleh difahami dengan pengertian sebaliknya?
- (c) Apakah garis pembeda di antara iman dan kufur?

3. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"...tiada sesuatupun yang serupa dengan-Nya dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (Surah al-Shura: 11)

Huraikan maksud ayat ini menurut apa yang telah anda pelajari tentang tanzih, tashbih, tamthil dan ta'til sepertimana yang biasa dibincangkan di dalam ilmu Tawhid.

BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan

(Sila jawab dalam kertas yang berasingan dari jawapan Bahagian A)

4. Bincangkan hujah-hujah dengan dalil-dalil yang kuat, untuk menunjukkan bahawa pengutusan Rasul dan mesej kerasulan adalah amat penting dalam sistem hidup Islam.
5. Jelaskan konsep Qada' dan Qadar. Tunjukkan dengan jelas bagaimanakah kaedah menjalani kehidupan berdasarkan keimanan kepada Qada' dan Qadar.

6. Dengan merujuk kepada dalil-dalil al-Qur'an, huraikan:

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan hakikat wahyu, dan jelaskan apakah hikmat penurunan al-Qur'an secara beransur-ansur.
- (b) Tunjukkan dengan bukti-bukti yang jelas, mengenai keistimewaan al-Qur'an dari sudut bahasa dan nilai kesusasteraannya.

-ooo000ooo-